

## **ABSTRAK**

Pengajaran terjemahan tidak asing lagi dalam bidang bahasa Arab. Ia mengambil tempat utama dalam proses pengajaran melalui kaedah penyampaian dan juga ditawarkan sebagai satu subjek khusus di peringkat universiti. Kajian ini dijalankan untuk melihat tahap penguasaan kemahiran terjemahan perkataan Arab berimbuhan dalam kalangan pelajar IPTA. Sampel yang dipilih terdiri dari 50 pelajar tahun dua dan tiga dari program Bahasa Arab dan Komunikasi, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia.

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengetahui tahap penguasaan pelajar dalam menterjemahkan perkataan Arab berimbuhan dari pola tiga huruf, di samping mengenal pasti kefahaman dan kemampuan pelajar dalam membezakan makna perkataan tersebut mengikut susunan ayat dan rangkap, kebolehan memahami makna perkataan berimbuhan mengikut susunan ayat dan rangkap, mengukur tahap penguasaan pelajar dalam penterjemahan perkataan berimbuhan dan kebolehan membezakan sesuatu makna perkataan terbitan dari pola perkataan berimbuhan.

Kaedah yang digunakan bagi mendapatkan data kajian bagi mengenal pasti permasalahan tersebut ialah dengan pengagihan borang soal selidik kepada kumpulan responden sebagai satu set instrumen kajian. Ia dibahagikan kepada lima bahagian utama yang terdiri daripada latar belakang responden, persepsi, penguasaan bahasa Arab, pengukuran tahap terjemahan perkataan berimbuhan dalam rangkap dan dalam ayat. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar tidak mampu menterjemahkan perkataan Arab berimbuhan mengikut frasa / ayat dan rangkap.

## **ABSTRACT**

The teaching of translation skill is not an uncommon aspect in Arabic language. It is vastly used in teaching process via presentation method and it is also offered as a minor subject at university level. This research is taken to determine the level of translation of Arabic affixes skill mastery among 50 students of Second and Third year of Arabic Language and Communication Programme, Faculty of Major Language Studies, Universiti Sains Islam Malaysia.

The research is done to determine the level of translation of Arabic affixes involving 3 letters pattern, understanding measurement and the ability of students to distinguish the meaning of word according to the sentence structure, to measure the students' understanding in translating affixes and the ability to differentiate the meaning of word derived from affixes words pattern.

The method of collecting data to determine the problems mentioned above involved distributing questionnaire to the respondent group as a research set instrument. It is divided into 5 main parts which covers the respondent's background, perception, Arabic language mastery, translation of affixes skill measurement. Based on the research result, it is proved that majority of students could not translate Arabic affixes according to its sentence and phase.